



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA BERSEMPENA DENGAN HARI PENDUDUK SEDUNIA 2024

---

### “KUASA DATA YANG INKLUSIF KE ARAH MASA DEPAN YANG BERDAYA TAHAN DAN SAKSAMA UNTUK SEMUA”

**PUTRAJAYA, 12 JULAI 2024** – Hari Penduduk Sedunia disambut pada 11 Julai setiap tahun sejak dari tahun 1989 yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran kepada kepentingan isu kependudukan di dunia. Tema sambutan Hari Penduduk Sedunia pada tahun 2024 adalah “**Kuasa Data Yang Inklusif Ke Arah Masa Depan Yang Berdaya Tahan Dan Saksama Untuk Semua**”. Tema ini bertujuan memberi kesedaran akan kepentingan penggunaan data dan maklumat sebagai sumber utama bagi pelaksanaan sebarang tindakan oleh pihak berautoriti termasuk pembangunan dasar, inisiatif dan program untuk pelbagai lapisan masyarakat.

#### **Demografi Dunia**

Penduduk dunia telah bertambah daripada 1 bilion pada tahun 1800 kepada 8.1 bilion pada tahun 2024. Walaupun penduduk dunia terus berkembang, pertumbuhannya semakin perlahan sejak tahun 1950 disebabkan penurunan kadar kesuburan.

Kadar kelahiran kasar (CBR) di peringkat dunia merekodkan 17.0 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk. Dalam kalangan negara ASEAN, Philippines merekodkan CBR tertinggi dengan 21.6 kelahiran pada 2022, manakala

Singapore merekodkan CBR terendah dengan 7.1 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk. Bagi negara maju terpilih, Australia merekodkan CBR tertinggi dengan 11.5 kelahiran pada 2022, sementara Republic of Korea merekodkan CBR terendah dengan 5.6 kelahiran bagi setiap 1,000 penduduk pada 2022.

Kadar Kesuburan Jumlah (TFR) di peringkat dunia merekodkan 2.3 anak, manakala TFR Malaysia 1.6 anak pada 2022. Pada tahun 2022, lima negara dalam kalangan negara ASEAN iaitu Philippines (2.7), Lao PDR (2.4), Cambodia (2.3), Indonesia (2.2) dan Myanmar (2.1) merekodkan TFR di atas paras penggantian. Dalam kalangan negara maju terpilih pula, United States of America merekodkan TFR tertinggi iaitu 1.7 anak, manakala Republic of Korea terendah dengan 0.9 anak bagi setiap perempuan berumur 15-49 tahun.

### **Pertumbuhan Penduduk Perlahan**

Penduduk Malaysia pada tahun 2023 dianggarkan 33.4 juta dengan kadar pertumbuhan 2.1 peratus berbanding 3.6 peratus pada tahun 1970 (10.9 juta). Selangor mencatatkan negeri paling ramai penduduk pada tahun 2023 iaitu 7.2 juta, manakala W.P. Labuan merekodkan penduduk terendah iaitu 0.1 juta.

### **Penurunan Kadar Kelahiran Kasar**

Malaysia telah mengalami fasa penurunan Kadar Kelahiran Kasar (CBR) mulai tahun 1958 iaitu 43.3 kelahiran kepada 12.9 kelahiran pada tahun 2022 bagi setiap 1,000 penduduk. Pada 2022, Terengganu merekodkan CBR tertinggi dengan 21.3 kelahiran, manakala W.P. Kuala Lumpur merekodkan CBR terendah iaitu 10.1 kelahiran. Di peringkat daerah, CBR tertinggi direkodkan di Song, Sarawak dan Kuala Terengganu, Terengganu dengan 24.3 kelahiran. Manakala, daerah Kinabatangan, Sabah merekodkan kadar terendah iaitu 4.6 kelahiran.

## **Penurunan Kadar Kesuburan**

Kadar kesuburan jumlah (TFR) sejak lima dekad yang lalu menunjukkan penurunan ketara daripada 4.9 anak pada 1970 kepada 1.6 anak pada 2022. Bagi tempoh 1970 hingga 2012, TFR kekal di atas paras penggantian sebanyak 2.1 anak yang menunjukkan purata bilangan anak yang dilahirkan oleh seorang wanita sepanjang tempoh kesuburannya mencukupi untuk menggantikan dirinya dan pasangan. Walau bagaimanapun, TFR menurun di bawah paras penggantian mulai tahun 2013 hingga kini. Pada tahun 2022, Melayu mencatatkan TFR tertinggi iaitu 2.1 anak, manakala Cina merekodkan TFR terendah iaitu 0.8 anak. Semua negeri merekodkan TFR di bawah paras penggantian kecuali tiga negeri iaitu Terengganu (2.9 anak), Kelantan (2.7 anak) dan Pahang (2.1 anak). Pulau Pinang dan W.P. Kuala Lumpur merekodkan TFR terendah dengan 1.2 anak.

## **Peningkatan Umur Perkahwinan**

Berdasarkan statistik semasa, purata umur perkahwinan perempuan menunjukkan peningkatan daripada 24.7 tahun (1990) kepada 28.9 tahun pada 2022. Peningkatan purata umur pengantin perempuan ini akan mempengaruhi purata umur ibu pada kelahiran hidup pertama yang menunjukkan peningkatan kepada 27.9 tahun (2022) berbanding 25.6 tahun pada tahun 1990.

## **Peningkatan Jangkaan Hayat**

Seorang bayi yang lahir pada 2023 secara purata dijangka hidup sehingga 74.8 tahun. Bayi lelaki dan perempuan yang lahir pada tahun 2023 dijangka hidup masing-masing sehingga purata umur 72.5 dan 77.4 tahun berbanding 61.6 dan 65.6 tahun pada tahun 1970. Jangkaan hayat ketika lahir tertinggi bagi lelaki dan perempuan mengikut negeri bagi tahun 2023 dicatatkan di Selangor (78.1), manakala Terengganu (71.2) mencatatkan jangkaan hayat ketika lahir terendah. Lima negeri mencatatkan jangkaan hayat melebihi paras nasional

iaitu Selangor, W.P. Kuala Lumpur, W.P. Putrajaya, W.P. Labuan dan Sarawak. Pada tahun 2023, daerah pentadbiran Petaling, Selangor (80.5 tahun) mencatatkan jangkaan hayat tertinggi, manakala Kecil Lojing, Kelantan (62.8 tahun) mencatatkan jangkaan hayat ketika lahir terendah. Secara keseluruhan, 31 daripada 156 daerah melepasi jangka hayat di peringkat nasional.

### **Peralihan Struktur Umur**

Peningkatan jangka hayat dan penurunan kadar kelahiran telah menyebabkan berlakunya peralihan struktur umur. Ini merupakan fenomena global di mana pertumbuhan penduduk yang perlahan dalam kalangan umur muda (0-14 tahun), manakala peningkatan penduduk umur tua (65 tahun dan lebih) semakin cepat. Peratusan umur muda (0-14 tahun) menurun daripada 44.9 peratus (1970) kepada 22.6 peratus pada 2023. Peratusan penduduk berumur 15-64 tahun (umur bekerja) meningkat kepada 70 peratus (2023) berbanding 52.1 peratus pada 1970. Manakala, penduduk umur tua (65 tahun dan lebih), meningkat daripada 3.1 peratus (1970) kepada 7.4 peratus (2023).

Komposisi penduduk umur muda (0-14 tahun) tertinggi dicatatkan di W.P. Putrajaya dengan 36.1 peratus dan yang terendah di W.P. Kuala Lumpur (18.2%). Peratusan penduduk berumur 15-64 tahun (umur bekerja) tertinggi di W.P Kuala Lumpur (75.0%) dan terendah di W.P Putrajaya (62.2%). Bagi komposisi penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua), Perak merekodkan peratusan tertinggi iaitu 9.7 peratus manakala terendah di W.P. Putrajaya (1.7%).

Di peringkat daerah, komposisi penduduk umur muda (0-14 tahun) tertinggi dicatatkan di Kecil Lojing, Kelantan dengan 35.3 peratus dan terendah di Bagan Datuk, Perak (15.6%). Sebauh, Sarawak (80.2%), mencatatkan peratusan penduduk berumur 15-64 tahun (umur bekerja) tertinggi dan

terendah di Tumpat, Kelantan (60.1%). Manakala komposisi penduduk berumur 65 tahun dan lebih (umur tua) tertinggi di Lubok Antu, Sarawak (14.4%) dan terendah di daerah Kecil Lojing, Kelantan (2.7%).

### **Penuaan Penduduk**

*Ageing society* merujuk kepada keadaan di mana peratusan penduduk berumur 65 tahun dan ke atas mencapai 7 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk. Pada 2023, bilangan penduduk berumur 65 tahun dan ke atas meningkat kepada 2.5 juta (7.2%) berbanding 0.2 juta (5.0%) pada tahun 1970. Berdasarkan Dasar Warga Emas Negara (DWEN), Malaysia dijangka mencapai negara menua pada 2030 dengan peratusan penduduk berumur 60 tahun dan lebih adalah 15.3 peratus.

### **Dividen Demografi**

Dividen Demografi merujuk kepada pengurangan nisbah tanggungan yang dapat mencipta peluang pertumbuhan ekonomi jika dimanfaatkan dengan berkesan. Nisbah tanggungan adalah merujuk kepada nisbah tanggungan kumpulan umur muda (0-14 tahun) dan/ atau umur tua (65 tahun dan lebih) kepada 100 orang penduduk kumpulan umur bekerja (15-64 tahun). Nisbah tanggungan jumlah pada 2023 adalah 42.9 berbanding 92.1 (1970). Apabila bilangan penduduk dalam umur bekerja (15-64 tahun) meningkat dan nisbah tanggungan menurun terdapat peluang untuk meningkatkan simpanan dan pelaburan kerana perbelanjaan untuk pendidikan dan penjagaan kesihatan berkurang. Peratusan penduduk berumur 15-64 tahun (umur bekerja) meningkat kepada 70 peratus (2023) berbanding 52.1 peratus pada 1970. Nisbah tanggungan umur muda berkurang dengan ketara daripada 86.2 (1970) kepada 32.3 (2023), manakala nisbah tanggungan umur tua meningkat daripada 5.9 peratus (1970) kepada 10.6 peratus (2023). Pengurangan nisbah tanggungan seharusnya dapat meningkatkan pendapatan relatif penduduk. Pendapatan ini boleh meningkat jika kadar kesuburan lebih rendah yang akan

mendorong peningkatan kadar penyertaan tenaga buruh wanita dan seterusnya meningkatkan jurang pertumbuhan antara tenaga buruh dan penduduk. Kadar kesuburan yang lebih rendah serta peralihan struktur umur dapat mempercepatkan pertumbuhan ekonomi.

Kesimpulannya, landskap kesuburan Malaysia telah mengalami perubahan yang ketara dengan penurunan daripada 4.9 anak pada 1970 kepada 1.6 anak pada 2022, di bawah paras penggantian sejak 2013. Peralihan ini berkait rapat dengan kelewatan perkahwinan di mana perempuan memilih untuk merancang keluarga pada usia yang lebih berumur kerana mengejar pendidikan dan kerjaya. Purata umur perkahwinan juga telah meningkat dengan ketara, daripada 24.7 tahun (1990) kepada 28.9 pada 2022, memberi kesan kepada tahap kesuburan. Sekiranya trend penurunan kesuburan berterusan, saiz isi rumah Malaysia juga akan mengecil pada masa akan datang. Berdasarkan dapatan Banci Malaysia 2020, purata saiz isi rumah persendirian di Malaysia menurun daripada 5.5 pada 1970 kepada 3.9 orang pada 2020. Selain itu, situasi ini juga akan mengakibatkan bilangan penduduk Malaysia berkurang.

Sempena sambutan Hari Penduduk Sedunia 2024 bertemakan “**Kuasa Data Yang Inklusif Ke Arah Masa Depan Yang Berdaya Tahan Dan Saksama Untuk Semua**”, usaha untuk mengumpul, menganalisis dan menggunakan data yang inklusif demi mencapai masa depan yang berdaya tahan dan saksama untuk semua perlu dipertingkatkan. Data yang tepat dan menyeluruh adalah kunci kepada pembangunan yang mampan dan inklusif serta memastikan "Leave No One Behind" seperti dalam Agenda 2030 bagi Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi

memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.


**Dikeluarkan oleh:**

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
12 JULAI 2024**

**Carta 1: Kadar kelahiran kasar dan Kadar kesuburan jumlah mengikut negara terpilih, 2022**




**Carta 2: Kadar kelahiran kasar dan Kadar kesuburan jumlah mengikut negara ASEAN, 2022**







### Carta 3: Transisi demografi, Malaysia




### Carta 4: Piramid penduduk, Malaysia, 1970 dan 2023



**Carta 5: Kadar kelahiran kasar mengikut etnik, Malaysia, 2000-2022**



**Carta 6: Kadar kesuburan jumlah mengikut etnik, Malaysia, 2000-2022**



## Carta 7: Nisbah Tanggungan, Malaysia, 1970 dan 2023

### Nisbah tanggungan

	1970	2023
Jumlah	92.1	42.9
Umur muda	86.2	32.3
Umur tua	5.9	10.6

**Nota:** Nisbah tanggungan adalah merujuk kepada nisbah tanggungan kumpulan umur muda (0-14 tahun) dan/ atau umur tua (65 tahun dan lebih) kepada 100 orang penduduk kumpulan umur bekerja (15-64 tahun).



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT  
IN CONJUNCTION WITH WORLD POPULATION DAY 2024**

---

**EMBRACING THE POWER OF INCLUSIVE DATA TOWARDS A RESILIENT  
EQUITABLE FUTURE FOR ALL**

**PUTRAJAYA, 12 JULY 2024** – *World Population Day has been celebrated on July 11 every year since 1989, which aims to raise awareness of the importance of population issues in the world. The theme for World Population Day 2024 is "Embracing The Power Of Inclusive Data Towards A Resilient Equitable Future For All". The theme aims to raise awareness about the importance of using data and information as the main source for implementing actions by authorities, including policy development, initiatives and programs for various segments of society.*

**World Demographic**

*The world population has increased from 1 billion in 1800 to 8.1 billion in 2024. Although the global population continues to grow, its growth has slowed since 1950 due to declining fertility rates.*

*The crude birth rate (CBR) at the global level recorded 17.0 births per thousand population. Among ASEAN countries, Philippines recorded the highest CBR with 21.6 births in 2022, while Singapore recorded the lowest CBR with 7.1 births per 1,000 population. Among selected developed countries, Australia recorded the*

*highest CBR with 11.5 births, while the Republic of Korea recorded the lowest CBR with 5.6 births per 1,000 population.*

*The total fertility rate (TFR) at the global level recorded 2.3 children, while Malaysia's TFR was 1.6 children in 2022. Five ASEAN countries, namely Philippines (2.7), Lao PDR (2.4), Cambodia (2.3), Indonesia (2.2) and Myanmar (2.1) recorded TFR above the replacement level in 2022. Among selected developed countries, the United States of America recorded the highest TFR at 1.7 children, while the Republic of Korea recorded the lowest at 0.9 children per woman aged 15-49 years.*

### ***Slower Population Growth***

*Malaysia's population in 2023 is estimated at 33.4 million with a growth rate of 2.1 per cent as compared to 3.6 per cent in 1970 (10.9 million). Selangor is the most populous state in 2023, with 7.2 million people, while W.P. Labuan recorded the lowest population with 0.1 million.*

### ***Declining Crude Birth Rate***

*Malaysia has experienced a decline in CBR) since 1958, from 43.3 births to 12.9 births per 1,000 population in 2022. In 2022, Terengganu recorded the highest CBR with 21.3 births, while W.P. Kuala Lumpur recorded the lowest CBR at 10.1 births. At the district level, the highest CBR was recorded in Song, Sarawak and Kuala Terengganu, Terengganu with 24.3 births. Meanwhile, Kinabatangan, Sabah recorded the lowest rate with 4.6 births.*

### ***Declining Fertility Rate***

*The total fertility rate (TFR) has shown a significant decline over the past five decades, from 4.9 children in 1970 to 1.6 children in 2022. From 1970 to 2012,*

*TFR remained above the replacement level of 2.1 children, indicating the average number of children born to a woman throughout her reproductive life has been sufficient to replace herself and her partner. However, TFR began to fall below the replacement level from 2013 onwards. In 2022, Malays recorded the highest TFR with 2.1 children, while the Chinese recorded the lowest TFR at 0.8 children. All states recorded TFR below the replacement level except for three states, namely Terengganu (2.9 children), Kelantan (2.7 children) and Pahang (2.1 children). Pulau Pinang and W.P. Kuala Lumpur recorded the lowest TFR with 1.2 children.*

### ***Increasing Marriage Age***

*According to the current statistics, the mean age of marriage for women has increased from 24.7 years (1990) to 28.9 years in 2022. The increase in the mean age of brides will influence the mean age of mothers at first live births, which has increased to 27.9 years (2022) as compared to 25.6 years in 1990.*

### ***Increasing Life Expectancy***

*A baby born in 2023 on average is expected to live until 74.8 years. Male and female babies born in 2023 on average are expected to live until 72.5 and 77.4 years respectively as compared to 61.6 and 65.6 years in 1970. The highest life expectancy at birth for males and females by state in 2023 was recorded in Selangor (78.1), while Terengganu (71.2) recorded the lowest. Five states recorded life expectancy above the national average namely Selangor, W.P. Kuala Lumpur, W.P. Putrajaya, W.P. Labuan and Sarawak. In 2023, Petaling, Selangor (80.5 years) recorded the highest life expectancy, while Kecil Lojing, Kelantan (62.8 years) recorded the lowest. In overall, 31 of 156 districts surpassed life expectancy at national level.*

## **Shifting Age Structure**

*Increasing life expectancy and declining birth rates have led to a shift in age structure. This is a global phenomenon where slow population growth among the young age population (0-14 years), while the old age population (65 years and over) is growing rapidly. The percentage of the young age population (0-14 years) declined from 44.9 per cent (1970) to 22.6 per cent in 2023. The percentage of the population aged 15-64 years (working age) increased to 70 per cent (2023) as compared to 52.1 per cent in 1970. Meanwhile, the old age population (65 years and over) increased from 3.1 per cent (1970) to 7.4 per cent (2023).*

*The highest composition of the young age population (0-14 years) was recorded in W.P. Putrajaya with 36.1 per cent, and the lowest in W.P. Kuala Lumpur (18.2%). The highest percentage of the population aged 15-64 years (working age) was in W.P. Kuala Lumpur (75.0%) and the lowest in W.P. Putrajaya (62.2%). For the composition of population aged 65 years and over, Perak recorded the highest percentage at 9.7 per cent, while the lowest was in W.P. Putrajaya (1.7%).*

*At the district level, the highest composition of the young age population (0-14 years) was recorded in Kecil Lojing, Kelantan with 35.3 per cent, and the lowest in Bagan Datuk, Perak (15.6%). Sebauh, Sarawak (80.2%), recorded the highest percentage of the population aged 15-64 years (working age) and the lowest in Tumpat, Kelantan (60.1%). The highest composition of the old age population (65 years and over) was in Lubok Antu, Sarawak (14.4%), and the lowest in Kecil Lojing, Kelantan (2.7%).*

## **Ageing Population**

*An ageing society refers to a condition where the percentage of the population aged 65 years and over reaches 7 per cent of the total population. In 2023, the number of people aged 65 years and over increased to 2.5 million (7.2%), as compared to 0.2 million (5.0%) in 1970. Based on the National Policy on Older Persons (DWEN), Malaysia is expected to become an ageing nation in 2030 with population aged 60 years and over are 15.3 per cent.*

## **Demographic Dividend**

*The demographic dividend refers to the reduction in the dependency ratio that can create economic growth opportunities if effectively utilized. The dependency ratio is a measure of the number of dependents of young age (0-14 years) and/ or old age (65 years and over) for every 100 population of working age (15-64 years). The total dependency ratio in 2023 was 42.9 as compared to 92.1 (1970). If the number of working age population (15-64 years) increases and the dependency ratio decreases, there is an opportunity to increase savings and investments as spending on education and healthcare decrease. The percentage of the population aged 15-64 years increased to 70 per cent (2023) as compared to 52.1 per cent in 1970. The young dependency ratio significantly decreased from 86.2 (1970) to 32.3 (2023), while the old age dependency ratio increased from 5.9 per cent (1970) to 10.6 per cent (2023). The declining in the dependency ratio should increase the relative income of the population. This income can increase if the fertility rate is lower, which will lead to a higher woman labour force participation rate, thus widening the gap between the labour force and the population growth rate. Lower fertility rates and shifts in age structure can accelerate economic growth.*



*In conclusion, Malaysia's fertility landscape has undergone significant changes with a decline from 4.9 children in 1970 to 1.6 children in 2022, below the replacement level since 2013. This shift is closely related to delayed marriages, where women choose to plan their families at an older age to pursue education and careers. The mean age of marriage has also increased significantly, from 24.7 years (1990) to 28.9 years in 2022, impacting fertility levels. If the fertility decline trend continues, household sizes in Malaysia will also shrink in the future. Based on the findings of the Malaysia Census 2020, the average household size in Malaysia decreased from 5.5 in 1970 to 3.9 in 2020. Additionally, this situation will also result in a reduction in the population of Malaysia.*

*In conjunction with the celebration of World Population Day 2024 with the theme **"Embracing The Power Of Inclusive Data Towards A Resilient Equitable Future For All"**, efforts to collect, analyze and use inclusive data to achieve a resilient and equitable future for all need to be enhanced. Accurate and comprehensive data is key to sustainable and inclusive development and ensuring "Leave No One Behind" as in the 2030 Agenda for Sustainable Development Goals (SDGs).*

*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

*DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my> for more information. The theme is "Agriculture Census, Key to Agricultural Development."*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.*


*Released by:*

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**


**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**12 JULY 2024**


**Chart 1: Crude birth rate and total fertility rate of selected countries, 2022**




**Chart 2: Crude birth rate and total fertility rate of ASEAN countries, 2022**




### Chart 3: Demographic Transition, Malaysia




### Chart 4: Population pyramid, Malaysia, 1970 and 2023



**Chart 5: Crude birth rate by ethnics, Malaysia, 2000-2022**



**Chart 6: Total fertility rate by ethnics, Malaysia, 2000-2022**



**Chart 7: Dependency ratio, Malaysia, 1970 and 2023**

Dependency ratio		
	1970	2023
Total	92.1	42.9
Young age	86.2	32.3
Old age	5.9	10.6

**Note:** The dependency ratio is a measure of the number of dependents of young age (0-14 years) and/or old age (65 years and over) for every 100 population of working age (15-64 years).